

No. Sebut harga: **SH(AK)1/2023**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA  
JALAN SULTAN YAHYA PETRA  
50578 KUALA LUMPUR**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	KENDERAAN PACUAN 4 RODA (4 x 4), MITSUBISHI PAJERO	WK J7241	1	9,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **6 Januari 2023** hingga **12 Januari 2023** di antara jam **10.00 pagi** hingga **3.00 petang** di **Tempat letak Kenderaan Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia**. Sebarang pertanyaan berkaitan urusan ini boleh berhubung terus dengan **Encik Farihan bin Amzah** di talian (**03-26170976/606**).
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh **90 hari**.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **SH(AK)1/2023** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat;-

**Unit Perolehan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Tingkat 12, Wisma JUPEM  
Jalan Sultan Yahya Petra  
50578 Kuala Lumpur**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **13 Januari 2023** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

  
(**TAN LEE CHENG**)

Bahagian Khidmat Pengurusan  
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

Tarikh:

**4.1.2023**

No. Sebut harga: SH(AK)1/2023

### SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau **RM5,000.00** mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Cek/Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**.
3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan salinan kad pengenalan (Perseorangan) atau Sijil Pendaftaran Syarikat (Syarikat).
4. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-iswhere-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **14 hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.